



BACA DAN FAHAMKAN!

Nama: _____

1. Baca teks petikan
2. Baca soalan
3. Gariskan kata tanya
4. Jawab soalan
5. Semak semula jawapan kamu

Markah: _____

Tajuk: Negara Kita

Negara kita Bernama Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang terletak di sebuah pulau terbesar di dunia iaitu Pulau Borneo.

Negara kita pula mempunyai empat buah daerah iaitu Daerah Brunei dan muara, daerah Tutong, daerah Belait dan daerah Temburong.

Bandar Seri Begawan adalah pusat pemerintahan bagi negara Brunei Darussalam.

Nama raja kita ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sha'adul Khairi Waddien.

Rakyat dan penduduk negara ini terdiri daripada bangsa Melayu, puak Melayu Jati Brunei dan bangsa-bangsa yang lain.

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu islam Beraja yang aman dan rakyatnya sentiasa hidup sejahtera.

1. Di pulau manakah letaknya negara kita?

2. Berapa daerahkah ada di negara kita?

3. Apakah nama pusat pemerintahan Brunei darussalam?

4. Siapakah nama raja kita sekarang?

5. Bagaimanakah kehidupan rakyat di negara kita?